

Home / 2025 / August /

Program Teraju Pemerkasaan Usahawan Mikro Perkasa Strategi Pemasaran Digital di Jelebu

SDG

12/08/2025 / MASRUL HAYATI KAMARULZAMAN



**JELEBU, 2 Ogos 2025** – Seramai **20 orang usahawan mikro luar bandar** telah berjaya mengikuti program **Teraju Pemerkasaan Usahawan Mikro: Video Sebagai Alat Strategi Pemasaran Viral**, anjuran **Fakulti Pengurusan dan Perniagaan (FPP), UiTM Kampus Rembau** dengan kerjasama **Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu**. Program ini dilaksanakan dalam dua modul utama yang memberi penekanan kepada penggunaan video sebagai strategi pemasaran berimpak tinggi.

Modul pertama bertemakan “**Konten Visual dan Pembuatan Video Pemasaran Viral**” telah berlangsung secara dalam talian pada **29 Julai 2025**, memberi fokus kepada elemen konten yang relevan dalam penghasilan video pemasaran. Modul kedua pula telah dijalankan secara bersemuka pada **2 Ogos 2025** di Pejabat Daerah dan Tanah Jelebu dengan tajuk “**Pembuatan Video Pemasaran Viral Menggunakan Canva & CapCut di Telefon Pintar**”, yang menekankan kemahiran praktikal merancang, merakam dan menyunting video menggunakan aplikasi mudah akses seperti Canva dan CapCut.





Sepanjang program, para peserta telah dibimbing oleh **sembilan fasilitator** yang terdiri daripada pensyarah FPP, yang memainkan peranan penting dalam membantu para usahawan menyediakan konten bersesuaian serta menghasilkan video pemasaran menggunakan telefon pintar masing-masing. Hasilnya, kesemua peserta berjaya menghasilkan video pemasaran mereka sendiri, termasuk mereka yang sebelum ini tidak pernah menghasilkan sebarang video promosi.

Program ini selari dengan aspirasi UiTM untuk menyumbang kepakaran kepada pembangunan masyarakat setempat dan menyokong agenda nasional dalam **pendigitalisasian sektor mikro**. Ia juga menyumbang secara langsung kepada pencapaian **Matlamat Pembangunan Lestari (SDG)**, khususnya:

- **SDG 1: Tiada Kemiskinan**
- **SDG 8: Pekerjaan Layak dan Pertumbuhan Ekonomi**

FPP berharap program ini dapat memperkukuh hubungan antara UiTM dan komuniti setempat serta membuktikan komitmen universiti dalam penglibatan bersama masyarakat. FPP juga berhasrat untuk menjadikan inisiatif ini sebagai **platform berterusan** dalam memperkasas ekonomi luar bandar dan membuka lebih banyak peluang kepada usahawan mikro, bukan sahaja di daerah Jelebu, malah di seluruh Negeri Sembilan.



Tags: [Fakulti Pengurusan dan Perniagaan \(FPP\)](#),  
[UiTM Cawangan Negeri Sembilan Kampus Rembau](#), [Universiti Teknologi MARA \(UiTM\)](#),  
[Usahawan Mikro](#)

Wacana Bakat Muda Sezaman  
(BMS29) Perkuks Kesedaran Royalti  
Seni Visual di LPSVN

UiTM Sarawak Jayakan Piala Dato  
Sri Roland Sagah: STEM dan   
Matematik Dirai

QUICK  
LINKS

Ministry of Higher Education  
Academic Calendar  
Intake Calendar  
Graduate Quick Search  
Library

HUBUNGI  
KAMI

Universiti Teknologi MARA  
(UiTM)  
40450 Shah Alam, Selangor  
Darul Ehsan  
Malaysia

Tel: +603-5544 2051 / 2000



[UiTM Holdings](#)

[WiFi UiTM](#)

[E-Complaint](#)

Copyright © 2026 UiTM NewsHub | Theme by: Theme Horse | Proudly Powered by: WordPress